

Prof. Dato' Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Rujukan : UKM AKA/224/5
Tarikh : 6 Februari 2017

PEKELILING AKADEMIK BIL. 3/2017

Semua
Dekan/Pengarah
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENAWARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2017-2018
BAGI PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa penawaran kursus untuk semua pelajar (prasiswazah/pascasiswazah) akan diadakan mulai 20 Mac 2017 hingga 02 April 2017. Sukacita sekiranya semua fakulti/institut/pusat dapat membuat penawaran kursus semester tersebut dalam tempoh yang dinyatakan bagi memastikan proses pendaftaran awal (prasiswazah sahaja) pada 08 Mei 2017 hingga 04 Jun 2017 berjalan dengan lancar dan teratur.

Sehubungan itu, berikut disertakan panduan penawaran kursus yang perlu diberi perhatian:

Bil	Aktiviti untuk makluman dan tindakan	Pra siswazah	Pasca siswazah
1.	Kursus yang ditawarkan telah diluluskan diperingkat: a) JPPA - Kursus Elektif b) SENAT - Kursus Wajib Kelulusan SENAT pada 20/8/2014, SENAT 402 adalah berkaitan;	✓	✓
2.	Semua kursus yang ditawarkan perlu disertakan dengan maklumat berkenaan: a) Jumlah jangkaan pelajar yang akan mendaftar pada semester berkenaan; b) Jumlah bilangan set kursus yang bakal ditawarkan selepas mengambil kira: • tahap pengajian Prasiswazah, Antarabangsa Khas dan Tanpa Ijazah, • taraf kursus (contoh: WM,WF,C1 dan C2) dan • kepada fakulti yang ditawarkan; c) Setiap kursus yang ditawarkan perlu dimasukkan nama pensyarah/ tenaga pengajar yang berkaitan untuk mengelakkan pertindanan jadual dengan kursus lain yang diajar dan bagi keperluan Universiti seperti i-folio, penilaian pengajaran dan lain-lain yang berkaitan; d) Bilik/dewan kuliah yang dijadualkan adalah bergantung kepada jumlah pelajar mengikut set yang ditetapkan. Bagi fakulti/pusat yang dijadualkan oleh AKADEMIK UKM, mohon maklumkan kepada AKADEMIK UKM mana-mana ruangan yang tidak dapat digunakan pada Semester yang berkenaan; e) Kursus yang setara (jika ada) perlu dimasukkan ke dalam SMP. Kegagalan berbuat demikian memberi kesan kepada penjadualan kuliah dan peperiksaan. Contoh kursus CITRA dan Fakulti. f) Kursus yang telah ditawarkan, perlu dimodulkan mengikut program pelajar.	✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓ - ✓ -

Bil	Aktiviti untuk makluman dan tindakan	Pra siswazah	Pasca siswazah
3.	Fakulti dibenarkan membuat pindaan jadual kuliah sebelum pendaftaran awal dimulakan. Pindaan selepas tempoh tersebut boleh menyebabkan pertindanan kepada kuliah yang telah didaftarkan oleh pelajar terutama kursus luar fakulti seperti kursus CITRA. Jika pindaan terpaksa dibuat atas sebab-sebab tertentu, fakulti perlu membuat semakan keseluruhan modul pelajar berkaitan;	✓	-
4.	Fakulti dan pusat perlu membuat pemilihan pendaftaran awal mulai 05 Jun 2017 hingga 11 Jun 2017. Pelajar yang tidak DIPILIH sebarang kursus akan dikenakan denda RM50 dan diberikan status LEWAT MENDAFTAR;	✓	-
5.	Kursus yang berbentuk projek, latihan ilmiah, disertasi, tesis dan seumpamanya perlu dimasukkan nama penyelia, nama pelajar dan tajuk projek/latihan ilmiah/disertasi/tesis pada semester semasa kursus ditawarkan (sehingga minggu ke-5);	✓	✓

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

- i. Prasiswazah : Puan Syuhada Nur Ab Rahman di sambungan 8451 atau emel syunur@ukm.edu.my
Puan Nor Shadira Ramli di sambungan 8450 atau emel shadira@ukm.edu.my
- ii. Pascasiswazah : Cik Najatulmuna binti Hamdan di sambungan 8388 atau emel najatul@ukm.edu.my

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. DATO' IR. DR. RIZA ATIQ ABDULLAH BIN O.K. RAHMAT

- s.k. - Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Timbalan Pengarah (Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
 - Pengarah
Pusat Kembangan Pendidikan
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti
 - Pengurus
Pusat Siswazah
 - Pengarah
Pusat PERMATApintar Negara
(u.p: Dr. Azizah Mohd Zahidi
Ketua Unit Program Asasi Pintar, UKM
 - Puan Norasmah Mohamad Maselan
Eksekutif
(Sila maklumkan senarai kursus yang perlu diambil oleh pelajar Asasipintar di fakulti/pusat berkaitan).